



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE-189 BIL. 37/2025

PELAKSANAAN PROSES PEMILIHAN PELAJAR BAGI PENEMPATAN DI KOLEJ KEDIAMAN BERDASARKAN MATA NILAI ADAB (ADAB Point) BAGI PELAJAR KANAN MULAI SESI AKADEMIK 2026/2027

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Kepada Semua Pelajar Kanan UMPSA

2. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Khas Bil. 1/2025 bertarikh 12 Februari 2025 berkaitan pindaan polisi yang **tidak mewajibkan pelajar tahun dua (2)** menginap di Kolej Kediaman bermula pada **Sesi Akademik 2025/2026**.
3. Adalah dimaklumkan bermula **Sesi Akademik 2025/2026**, pihak universiti telah menetapkan untuk **menggunakan Mata Nilai ADAB (ADAB Points)** sebagai salah satu **kriteria utama** dalam penentuan kelayakan penempatan di Kolej Kediaman bagi **Sesi Akademik 2026/2027** untuk **semua pelajar kanan (kecuali bagi pelajar dibawah kategori laluan khas, pelajar asasi dan pelajar baharu pada Sesi Akademik 2026/2027 serta seterusnya)**. Pengumpulan **ADAB Points** ini juga terpakai untuk **pelajar tahun tiga (3) dan ke atas serta pelajar yang menetap di luar kampus** yang ingin mendapatkan penempatan di Kolej Kediaman pada Sesi Akademik 2026/2027 nanti.
4. Bagi tujuan tersebut, para pelajar hendaklah merujuk kepada Akademi ADAB bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan **tatacara pengumpulan dan pengesahan Mata Nilai ADAB Point** masing-masing.
5. **Tarikh akhir** bagi pengumpulan Mata Nilai ADAB Point adalah **pada 12 Jun 2026** dan keputusan penempatan bagi pelajar yang layak untuk menduduki Kolej Kediaman akan diumumkan **pada 17 Jun 2026** dan proses pemilihan bilik dalam sistem MyGading akan dilaksanakan pada **22 hingga 26 Jun 2026**.

6. Pemilihan penempatan pelajar di kolej kediaman akan dibuat berdasarkan **kedudukan ranking Mata Nilai ADAB Point pada Sesi Akademik 2025/2026**. Hanya pelajar yang memenuhi syarat dan berada dalam **kategori tertinggi dalam ranking ADAB Point** akan layak ditawarkan penempatan di Kolej Kediaman, tertakluk kepada **kekosongan semasa**.

7. Sehubungan itu, pelajar adalah dinasihatkan untuk sentiasa peka serta mengambil bahagian dalam aktiviti atau program disediakan oleh pihak universiti yang **menawarkan mata nilai ADAB Point** sebagai usaha meningkatkan kelayakan pelajar bagi penempatan di kolej kediaman pada sesi akademik akan datang.

8. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dimajukan kepada pihak pengurusan kolej kediaman melalui **emel rasmi: residen@umpsa.edu.my**. Kerjasama dan perhatian daripada semua pelajar berkaitan perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Disediakan oleh:

PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 11 November 2025